

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
(BINTULU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.03.2015

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

a. apakah punca sebenar yang dihadapi oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di dalam kegagalan melaksanakan projek Rumah Mesra Rakyat di negeri Sarawak lebih-lebih lagi bagi bahagian Bintulu di mana permohonan sudah pun di temu duga semenjak 2012 dan 2013 yang lalu ; dan

b. berapa banyak permohonan yang masih tertunggak bagi negeri Sarawak khususnya bagi bahagian Bintulu.